



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

## KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	KOSMO		
TARIKH	:	23/7/2021 (JUMAAT)	MUKA SURAT	: 9
JABATAN	:	PERHILITAN		

### Beruang matahari keluar cari makanan di Sabak Bernam

**SHAH ALAM** – Kemunculan seekor beruang matahari di Sungai Panjang, Sabak Bernam dekat sini berkemungkinan untuk mencari makanan terutama madu kelulut dan madu lebah.

Pengarah Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) Selangor, Haidar Khan Mokbolhasan berkata, kawasan itu merupakan habitat haiwan tersebut kerana terletak berhampiran ladang kelapa sawit dan Hutan Simpan Kekal Sungai Karang yang mempunyai sumber makanannya.

"Lokasi itu merupakan kawasan lintasan hidupan liar atau

keliaran beruang matahari. Sudah menjadi sifat semula jadi haiwan itu untuk merayau."

"Jadi, kita nasihatkan orang ramai supaya memandu mengikut had laju yang ditetapkan ketika melalui lokasi tersebut bagi mengelak kejadian tidak diingini berlaku," katanya ketika dihubungi Kosmo di sini semalam.

Beliau mengulas mengenai video berdurasi 48 saat yang tular di laman Facebook semalam mengenai kehadiran seekor beruang matahari yang berkeluaran di Sungai Panjang.

Haidar memberitahu, haiwan itu atau nama saintifiknya,

*Helarctos Malayanus* merupakan spesies mamalia yang dilindungi sepenuhnya di bawah Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 (Akta 716).

"Berdasarkan video tular, beruang matahari itu berdiri berkemungkinan untuk menggaru belakang badannya atau berasa terancam dengan kehadiran manusia.

"Kita sentiasa memantau dan orang ramai yang mengesyaki ada aktiviti tidak bertanggungjawab yang boleh mengancam habitat haiwan itu boleh menghubungi talian bebas Perhilitan di 1-800-88-5151," katanya.



TANGKAP layar video tular mengenai kehadiran seekor beruang matahari di Sabak Bernam, Selangor semalam.